

# Teknologi dan Pendidikan Perakaunan, Sejajar Berubahnya Zaman

Oleh: Ja'izah Abdul Jabar, Wan Mardiyatul Miza Wan Tahir & Norhidayah Ismail

*"Didiklah anakmu mengikut zamannya, kerana zamannya adalah berbeza sekali dengan zaman ibu bapanya"*

Saidina Umar Al-Khatab


Bait kata-kata hikmah ini secara tidak langsung menyampaikan kepentingan kepada para pendidik untuk menerima perubahan dalam sistem pendidikan hari ini yang tidak dapat terpisah daripada gabungan teknologi komunikasi maklumat. Setiap jurusan di institusi pengajian tinggi, tidak terkecuali jurusan perakaunan sedang di integrasi dengan segala kemajuan ICT dengan harapan terhasilnya material yang bersifat interaktif, sesuai dengan cita rasa pelajar hari ini. Merujuk kepada dunia pendidikan perakaunan lebih dua dekad lalu, antara motivasi utama dalam mengintegrasikan jurusan ini dan teknologi adalah untuk menambah nilai kebolehpasaran pelajar, meningkatkan reputasi jabatan, menambahbaik produktiviti jabatan, tenaga pengajar dan pelajar (Chong, 1997).



Namun, sejajar perubahan masa, skop tuntutan dan kepentingan teknologi dalam pendidikan perakaunan semakin meluas. Fokus menguasai kemahiran teknologi bukan sekadar untuk menguasai sistem berkaitan pangkalan dan penyimpanan data, malah menjadikan perakaunan bidang pendidikan yang menarik untuk dikuasai diujung jari. Hari ini, kemunculan ribuan aplikasi telah menjadi pemangkin kepada pendidikan berbentuk saling bertindak dan berhubung meski dalam batasan jarak dan waktu. Istilah-istilah seperti *Kahoot*, *Quizlet*, *Padlet*, *Canva* dan *Prezi* bukanlah sesuatu yang baru dikalangan para pelajar hari ini. Ianya merujuk kepada aplikasi kuiz, media pembelajaran serta penyediaan material secara dalam talian yang menarik dan boleh dicapai di mana sahaja.

Pendekatan pembelajaran yang menggabungkan ilmu perakaunan dan elemen-elemen teknologi yang menarik memudahkan pelajar mengingat perkara penting secara lebih santai. Keadaan ini secara tidak langsung dapat mengurangkan tekanan untuk memahami dan menguasai ilmu perakaunan.

Bagaimanapun, beberapa aspek penting perlu diambil kira bagi memastikan gabungan serta penerapan teknologi dan ilmu perakaunan ini mampu memberi input semaksimum mungkin kepada para pelajar. Ini kerana, dikhuatiri penggunaan aplikasi dalam menyalurkan maklumat-maklumat asas agak terbatas dengan kebergantungan kepada ilustrasi dan animasi yang terlalu padat. Kesannya, material yang disediakan tampak





menarik namun input-input penting tidak dimasukkan sehingga menyebabkan kelompongan maklumat. Selain itu, pemilihan audio bagi sesetengah aplikasi perlulah bersesuaian agar tidak mengganggu konsentrasi penerimaan maklumat. Meskipun manfaat teknologi adalah sesuatu yang tidak dapat disangkal, namun kebijaksanaan pendidik dalam menentukan kesesuaian bahan pengajaran melalui penggunaan aplikasi ini sangat perlu diutamakan.

Desakan peralihan pendekatan ini pastinya membebaskan segelintir pendidik yang masih selesa dengan bentuk pengajaran konservatif. Namun, tiada ruginya belajar ilmu baru untuk menjadi pendidik yang mampu menyesuaikan diri dengan keadaan, sejajar perubahan zaman.



#### Rujukan:

Chong, V.K., (1997), "Student Performance and Computer Usage: A Synthesis of Two Different Perspectives", *Accounting Research Journal*, 10 (1), 90-97.